



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	3/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			

Perhilitan rampas burung bernilai lebih RM3 juta

Kosmo Ahad, 3
Okt 2021_2



SEBAHAGIAN individu yang ditahan selepas terlibat dalam aktiviti penyeludupan burung Murai Batu.

JOHOR BAHRU – Seramai 10 individu diberkas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) selepas disyaki terlibat dalam aktiviti penyeludupan burung Murai Batu.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, tangkapan itu melibatkan Ops Bersepadu Khazanah (OBK) di seluruh negara sejak Januari hingga Ogos tahun ini.

Menurutnya, sepanjang tempoh itu, sebanyak 789 ekor Murai Batu dirampas hasil daripada tujuh operasi OBK dijalankan.

"Tahun lalu sahaja, sebanyak sembilan kes cubaan menyeludup haiwan liar yang dilindungi melibatkan 1,884 ekor burung

Murai Batu membabitkan nilai RM937,000 hingga RM2.8 juta.

"Bagi tahun ini sehingga Ogos lalu, sebanyak tujuh kes di mana 789 ekor burung dirampas melibatkan anggaran RM392,000 sehingga RM1.17 juta," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad*.

Abdul Kadir berkata, burung Murai Batu adalah antara burung liar yang dilindungi dibawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 berikutan hidupan liar ini terancam dan semakin pupus.

Menurutnya, mengikut akta ini seseorang individu tidak dibenarkan mengambil, menangkap, menembak atau memiliki burung ini tanpa dokumen kebenaran daripada Jabatan Perhilitan.

"Mereka yang disabitkan dengan kesalahan mengikut Seksyen 68 Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Bagaimanapun tambah beliau, terdapat penurunan kes sejak negara melaksanakan Ops Benteng susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac tahun lalu.

"Bagi tahun 2020, sebanyak sembilan kes penyeludupan burung Murai Batu melibatkan rampasan 1,874 ekor dan tahun ini turun sikit iaitu tujuh kes dengan rampasan sebanyak 789 ekor," katanya.